

Headline **Jaring peroleh teknologi Gnd Computing**
Date **22 Jul 2009**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **none**
Frequency **Daily**
ADValue **1,485**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **114 cm²**
Color **Black/white**
PRValue **4,456**



Jaring peroleh teknologi *Grid Computing*

KUALA LUMPUR 21 Julai – Jaring Communication Sdn. Bhd. (Jaring) hari ini menerima teknologi *Grid Computing* daripada MIMOS Bhd. bagi tujuan komersial.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Mohamad Awang Lah berkata, penggunaan teknologi *Grid Computing* ini membolehkan penggunaannya menjimatkan kos kerana penggunaan produk itu berdasarkan 'bayar apa yang digunakan'.

"Sokongan daripada MIMOS membolehkan Jaring menjadikan *Grid Computing* sebagai sebuah pendekatan baru bagi meningkatkan aplikasi komputer dalam pelbagai sektor," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Jaring merupakan syarikat perintis perkhidmatan Internet dan mempunyai rangkaian infrastruktur bagi menyediakan aplikasi yang sentiasa meluas dan pertumbuhan pantas pengguna Internet di negara ini.

Mohamad berkata, agensi kerajaan dan syarikat mahupun perusahaan kecil sederhana (PKS) memerlukan aplikasi dan penggunaan komputer

yang tinggi.

Menurut beliau, penggunaan teknologi ini dapat membantu syarikat-syarikat berkenaan dalam memastikan penggunaan komputer memudahkan segala urusan dan menjimatkan masa.

Tambah beliau, Jaring mempunyai kesemua kepakaran bagi menjadi sebuah Penyedia Perkhidmatan Grid di negara ini dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan yang diperlukan.

"Sebagai syarikat perintis Internet negara, Jaring mempunyai pengalaman, kepakaran teknikal dalam menyediakan rangkaian Internet, pusat data dan aplikasi kandungannya," katanya.

Grid Computing merupakan sebuah aplikasi komputer berskala besar bagi membolehkan perkongsian komputer yang kompleks merentasi geografi organisasi dalam rangkaian dan berguna untuk aplikasi perkhidmatan kewangan, pembuatan, pertanian, media digital dan perubatan.